

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]
TARIKH :
SOALAN :

YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah mekanisme kawalan harga ubat-ubatan yang dijual di farmasi-farmasi seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, pada masa ini sistem kawalan harga ubat belum dilaksanakan lagi. Walaubagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan aktiviti pemantauan harga ubat-ubatan dan menyediakan Harga Panduan Pengguna (*Consumer Price Guide, CPG*) bagi sebahagian ubat-ubatan di pasaran sebagai panduan perbandingan harga oleh pengguna. Maklumat ini boleh dicapai melalui laman sesawang www.pharmacy.gov.my. KKM juga sedang mengkaji mekanisme bagi meningkatkan bilangan maklumat harga ubat-ubatan ini.

Menyedari bahawa mekanisme penyeragaman harga ubat-ubatan terutamanya di sektor swasta adalah amat penting ke arah menyediakan sistem kesihatan yang berkualiti, pihak KKM telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan untuk mendapat pandangan-pandangan mereka.

KKM memandang serius terhadap isu harga ubat memandangkan akses rakyat kepada ubat mampu milik (*affordable medicines*) merupakan salah satu komponen dalam Dasar Ubat Nasional (DUNas) dan masih mengkaji mekanisma penentuan harga yang bersesuaian dengan sistem kesihatan di Malaysia.

RT 38/365

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: DATO' TAKIYUDDIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menambah lagi bilangan IPTA di Kelantan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penubuhan sesebuah universiti awam, politeknik dan kolej komuniti dibuat berdasarkan keperluan strategik negara dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Kementerian berpandangan bahawa universiti awam, politeknik dan kolej komuniti yang sedia ada pada masa ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan keperluan pendidikan tinggi di negeri Kelantan, iaitu :

- (a) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Pengkalan Chepa.
- (b) UMK, Kampus Bachok.

- (c) UMK Kampus Jeli.
- (d) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Kota Bharu.
- (e) UiTM Kampus Machang.
- (f) Politeknik Jeli.
- (g) Politeknik Kota Bharu.
- (h) Kolej Komuniti Kok Lanas.

RT38